

**TEKS UCAPAN Y.B. DATUK SERI PANGLIMA DR. MAXIMUS JOHNITY ONGKILI
MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR
DI MAJLIS PERASMIAN PEJABAT PIHAK BERKUASA PEMBANGUNAN
TENAGA LESTARI MALAYSIA CAWANGAN SABAH
22 APRIL 2014, 3.30 PETANG
LIKAS SQUARE, KOTA KINABALU, SABAH**

YBhgia Datuk Dr. Yee Moh Chai

Pengerusi,

Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia
(SEDA Malaysia)

YBhgia Datuk Loo Took Gee

Ketua Setiausaha,

Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air

YBhgia Datin Badriyah Abd Malek,

Ketua Pegawai Eksekutif, SEDA Malaysia

Ahli Pihak Berkuasa SEDA Malaysia,

Pegawai-pegawai kanan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air
serta Ketua-ketua Agensi

Pegawai-pegawai Kementerian dan Jabatan Kerajaan Negeri Sabah,
Tetamu-tetamu kehormat, Rakan-rakan media, Tuan-tuan dan Puan-
puan sekalian

Selamat Petang dan Salam 1Malaysia.

1. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia atau lebih dikenali sebagai SEDA Malaysia kerana menjemput saya ke Majlis Pelancaran dan Perasmian Pejabat SEDA Malaysia Cawangan Sabah di Kota Kinabalu pada petang ini.
2. Pembukaan Pejabat SEDA Malaysia ini juga adalah selaras dengan penyertaan negeri Sabah dalam program Feed-in-Tariff bermula tahun ini yang akan melibatkan penyertaan individu, industri serta komuniti dalam pembangunan TBB. Saya yakin dengan perasmian pejabat ini, negeri Sabah akan mempergiatkan usaha mempromosi dan membangunkan Tenaga Boleh Baharu (TBB) atau *Renewable Energy*.

Tuan-tuan dan Puan-puan Hadirin sekalian,

3. Sumber bahan api fosil adalah penting bagi pembangunan Negara akan tetapi, penjanaan tenaga elektrik melalui pembakaran bahan api fosil ini melepaskan gas karbon dioksida ke atmosfera. Pelepasan gas karbon dioksida merupakan punca utama berlakunya fenomena perubahan iklim dan pemanasan global. Banyak kesan negatif telah berlaku akibat fenomena pemanasan global sejak 50 tahun kebelakangan ini, yang dikatakan telah mengakibatkan keadaan cuaca yang melampau yang dialami oleh dunia sekarang.
4. Menyedari bahawa Malaysia perlu mengambil langkah untuk menyokong usaha masyarakat dunia menangani masalah ini, YAB Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia semasa Persidangan Perubahan Iklim pada bulan Disember 2009 di Copenhagen, Denmark telah menyatakan komitmen Malaysia untuk

mengurangkan intensiti karbon sehingga 40% berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang tahun 2020 berbanding intensiti karbon pada tahun 2005.

Tuan-tuan dan Puan-puan Hadirin sekalian,

5. Permintaan tenaga di Malaysia dijangka akan semakin meningkat selaras dengan pembangunan Negara yang pesat. Kapasiti terpasang tenaga elektrik kita bagi tahun 2013 adalah sebanyak **25,388 MW**, manakala permintaan bekalan elektrik dijangka akan berkembang sebanyak **3.6%** setahun sehingga tahun 2016.
6. Bagi menampung permintaan tenaga elektrik yang semakin meningkat, tambahan kapasiti penjanaan sebanyak **7, 446 MW** perlu disediakan bagi tempoh mulai sekarang sehingga tahun 2030. Namun, kita masih bergantung kepada sumber bahan api fosil iaitu arang batu, gas asli dan minyak yang merupakan 87% daripada campuran bekalan bahan api Negara.
7. Selain daripada implikasi buruk kepada alam sekitar, bahan api daripada sumber fosil adalah tertakluk kepada harga pasaran dunia yang tidak menentu. Justeru itu, Kerajaan telah menanggung subsidi harga bahan api yang tinggi iaitu sebanyak RM24.42 bilion pada tahun 2013.
8. Daripada jumlah ini, sebanyak RM13.73 billion adalah bagi penjanaan tenaga elektrik. Subsidi minyak diesel yang terpaksa ditanggung kerajaan bagi penjanaan elektrik di Sabah sahaja adalah sekitar RM598 juta setahun.

9. Oleh itu, kita perlu mengambil langkah untuk mengurangkan kebergantungan kepada sumber bahan api fosil dengan mempelbagaikan campuran bahan api negara dengan sumber lebih mesra alam dan lestari iaitu Tenaga Boleh Baharu. Dengan itu, kerajaan telah menetapkan satu sasaran untuk meningkat sumbangan TBB kepada campuran bahan api Negara kita daripada 1.5% peratus pada akhir 2013¹ kepada 5 peratus menjelang 2015.

10. Pembangunan dasar Tenaga Boleh Baharu telah dimulakan sejak Rancangan Malaysia Ke-Lapan dengan pengenalan Dasar Lima Bahan Api pada tahun 2001, yang menetapkan sumber TBB dan kecekapan tenaga sebagai sumber bahan api ke-lima selain daripada gas, arang batu, hidro dan minyak. Seterusnya, pada tahun yang sama program *Small Renewable Power Project* (SREP) telah dilancarkan untuk menggalakkan penjanaan tenaga daripada sumber TBB.

11. Pada 2 April 2010, Kerajaan telah meluluskan Pelan Tindakan dan Dasar Tenaga Boleh Baharu (REPAP). Dasar baru ini telah membuka ruang kepada pelaksanaan mekanisma Tarif Galakan atau *Feed-in Tariff* (FiT) yang mana pemaju-pemaju dibayar tarif premium untuk satu tempoh yang ditetapkan bagi penjanaan tenaga elektrik daripada sumber TBB.

12. Dengan langkah ini, kapasiti penjanaan daripada sumber TBB telah meningkat dengan pesat berbanding dengan dekad yang lalu. Jumlah kapasiti terpasang daripada sumber TBB sehingga Februari 2014 telah mencapai **178.15 MW**, termasuk kapasiti terpasang di bawah program SREP yang berjumlah **69.96 MW**.

13. Teras utama yang menentukan kejayaan pelaksanaan Tarif Galakan yang mula diperkenalkan di Semenanjung Malaysia pada 1 Disember 2011 adalah Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu. Kumpulan Wang TBB ditubuhkan di bawah Seksyen 23 kepada Akta TBB 2011 yang membolehkan Pemegang Lesen Pengagihan seperti Tenaga Nasional Berhad untuk mengutip caj tambahan sebanyak 1% daripada bil bulanan elektrik pengguna.

14. Bagi menambahkan lagi saiz Kumpulan Wang TBB, Kerajaan telah meluluskan semakan semula tarif elektrik dengan caj baru iaitu pada kadar 1.6% berkuatkuasa 1 Januari 2014. Walau bagaimanapun, pengguna-pengguna domestik dengan penggunaan 300 kWj atau RM77 ke bawah bagi Semenanjung Malaysia dan RM69 bagi negeri Sabah dikecualikan daripada caj tambahan ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan Hadirin sekalian,

15. Sabah kaya dengan keindahan alam semulajadi dan kepelbagaian sumber-sumber TBB seperti biogas, biojisim, hidro, tenaga suria, geotermal dan angin. Malah, Sabah juga telah mendahului dalam loji janakuasa TBB yang tersambung ke grid seperti biojisim daripada kelapa sawit, biogas dan hidro kecil.

16. Pada masa ini di Sabah terdapat lima loji janakuasa TBB dengan jumlah kapasiti terpasang sebanyak **36.5 MW** yang terdiri daripada loji biojisim dengan kapasiti **30 MW** dan selebihnya adalah hidro kecil dengan kapasiti **6.5 MW**.

17. Potensi TBB di Sabah dijangka akan melebihi 2700 MW sekiranya ia dapat dieksplotasi dengan sepenuhnya. Kebanyakan kapasiti ini dijangka disumbang oleh sumber hidro dengan kapasiti **1,930 MW**, geoterma dengan kapasiti **405 MW** dan biojisim dengan kapasiti **370 MW**.

Para hadirin sekalian

18. Saya dimaklumkan bahawa SEDA Malaysia kini sedang menjalankan kajian Pemetaan Angin di Malaysia termasuk Sabah yang dijangka akan siap pada akhir tahun hadapan. Saya yakin peta angin ini boleh membuka jalan kepada pembangunan sumber tenaga angin yang lebih agresif di negara kita.

19. KeTTHA juga sedang mengkaji kemungkinan menjalankan projek *wind turbine* perintis di daerah Kudat dalam Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMKe-11) nanti. Kajian awal mendapati Kudat mempunyai sumber angin yang sesuai untuk pemasangan *wind turbine* dan saya berharap kapasiti yang terhasil daripada loji perintis ini akan sedikit sebanyak membantu memenuhi keperluan bekalan tenaga elektrik di Sabah.

20. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengumumkan bahawa kuota Tenaga Boleh Baharu bagi Tarif Galakan akan dibuka pada hari Jumaat, 2 Mei 2014. Bagi tahun 2014, sebanyak **65 MW** akan ditawarkan secara keseluruhannya dengan pecahan sebanyak **10 MW** untuk Biogas, **15 MW** untuk Biojisim dan **40 MW** untuk Solar PV.

21. Sempena bermulanya pelaksanaan Tarif Galakan di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan, sebanyak **2 MW daripada 10 MW** bagi

kategori Solar PV (individu) telah diperuntukkan khusus bagi negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan, manakala baki **8 MW** dibuka kepada para pemohon di Semenanjung.

22. Bagi kategori Solar PV Bukan Individu pula, sebanyak **10 MW** diperuntukkan bagi kapasiti kurang daripada 425 kW. Sebanyak **15 MW** lagi diperuntukkan bagi kapasiti melebihi 425 kW sehingga **1 MW**.

23. Daripada jumlah ini, sebanyak **5 MW** akan dikhaskan bagi Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. SEDA Malaysia juga telah menyediakan kategori baru sumber Solar PV sebanyak **5 MW** bagi kategori Solar PV Komuniti untuk memberi peluang kepada institusi tertentu seperti rumah-rumah kebajikan dan rumah ibadat untuk menyertai mekanisma Tarif Galakan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

24. Selaras dengan pembukaan kuota baru TBB pada tahun 2014, permohonan Tarif Galakan Solar PV untuk kategori Bukan Individu berkapasiti lebih daripada 425 kW hingga 1 MW perlu dihantar secara manual bagi menjamin kesaksamaan pemberian kuota kepada semua pemohon. Saya dimaklumkan bahawa SEDA Malaysia telah mengadakan taklimat prosedur dan kaedah permohonan baru ini kepada semua pihak yang berminat untuk menyertai FiT pada 16 April 2014 di Wisma SESB Sabah.

25. Satu sesi latihan penggunaan sistem e-FiT untuk negeri Sabah juga telah diadakan pada pagi ini. Dengan langkah-langkah ini, saya

berharap semua pihak yang berminat telah mendapat maklumat yang diperlukan untuk mengambil peluang memohon kuota TBB ini.

26. Sebelum saya menamatkan ucapan ini, suka saya merujuk kepada ucapan oleh Pengerusi SEDA Malaysia sebentar tadi bahawa usaha rapi penyediaan pejabat SEDA Malaysia Cawangan Sabah ini telah bermula sejak akhir suku ketiga tahun 2013. Pejabat SEDA Malaysia Cawangan Sabah ini adalah sebuah ruang pejabat dalam bangunan sedia ada dan penyiapan usaha retrofitnya telah mengambil kira aspek-aspek penggunaan tenaga yang cekap.

27. Saya yakin pejabat SEDA Malaysia Cawangan Sabah ini dapat menjadi contoh kepada Pejabat Kerajaan di Negeri Sabah dan WP Labuan. Saya juga dengan rasa senang hati menamakan pejabat ini sebagai SEDA Low Energy Office atau SEDA LEO. Semua penerapan elemen-elemen cekap tenaga dalam pejabat ini adalah mengikut model bangunan LEO Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air di Putrajaya.

28. Para hadirin sekalian, dengan kata-kata itu saya dengan sukacitanya merasmikan Pejabat SEDA Malaysia Cawangan Sabah dengan harapan bahawa pengenalan program FiT di Sabah akan mendapat sambutan yang menggalakkan agar masyarakat dapat menyertai dalam usaha pembangunan sektor Tenaga Boleh Baharu di negeri Sabah dan Malaysia. Sekian, terima kasih.